

## SYURA DAN HUKUM MAJORITI

[SN165] Mengejutkan! Itulah rata-rata pendapat rakyat Malaysia dengan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 yang baru sahaja berakhir. Yang menang tidak menyangka mereka menang dan yang kalah tidak menyangka mereka kalah. Apa pun, *qadha'* Allah telah pun tersurat. Segelintir pihak yang selama ini terlalu angkuh dengan kuasa yang ada sudah mula termenung, namun masih ramai lagi di kalangan mereka yang berada dalam kesombongan dan masih mendabik dada. Tidak kurang yang terus bongkak dengan sisa-sisa kekuasaan yang tertinggal untuk terus mempertahankan sistem sekular yang ada, tanpa ada sedikit pun kesedaran untuk kembali kepada sistem Allah. Bagi yang baru mencapai kemenangan pula, masa-masa awal ini dipenuhi dengan sikap pulang paku buah keras terhadap pihak lawan dan dalam masa yang sama cuba memperkemas ikatan yang dibangun atas dasar masalahat bersama ini. Semoga umat Islam yang ikhlas sentiasa sedar bahawa ikatan yang dibangun atas asas masalahat hakikatnya tidak akan kekal lama kerana ikatan ini akan terburai apabila 'masalahat' sudah tidak lagi dapat dicapai atau dipertahankan. Sukalah kami mengingatkan bahawa satu-satunya ikatan yang diiktiraf oleh Islam adalah ikatan akidah, bukannya ikatan masalahat. **Ikatan akidah inilah yang telah dijadikan asas oleh Rasulullah untuk mengikat baik orang Arab mahupun bukan Arab, di dalam perjuangan baginda untuk menegakkan agama Allah di muka bumi.**

Sautun Nahdhah kali ini tidaklah berniat untuk mengupas isu kekalahan dan kemenangan parti-parti yang bertanding, kerana para pembaca mungkin sudah muak dihidangkan dengan begitu banyak kupasan, berita dan analisis yang disiarkan sejak hari pertama keputusan diumumkan lagi. Pada keluaran yang lepas kami telah pun menjelaskan kedudukan hukum bagi mereka yang menang bertanding dalam pilihan raya di mana mereka mempunyai pilihan sama ada untuk ke Parlimen/DUN untuk membuat undang-undang yang jelas-jelas diharamkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas mereka, atau mereka akan ke Parlimen/DUN untuk menghapuskan segala sistem kafur ini dan menggantikannya dengan sistem Islam. Pada kesempatan kali ini, Insya Allah kami berusaha untuk menjelaskan kedudukan *syura* yang sering disalahfahami oleh umat Islam sebagai sebuah majlis yang mengikat kaum Muslimin dalam apa jua keputusan yang diambil di dalamnya. Kami juga akan menjelaskan bagaimanakah hukum pengambilan pendapat majoriti yang benar menurut Islam di dalam sesebuah musyawarah yang dijalankan.

### Kedudukan Syura Dalam Islam

Dalam sebuah pemerintahan Islam, *syura* atau pengambilan pendapat dilakukan oleh pemerintah atau seorang amir atau seseorang yang memiliki autoriti. Aktiviti ini biasanya dijalankan di dalam sebuah institusi yang dikenali sebagai Majlis Umat. Berkaitan dengan soal '**mengemukakan pendapat**' kepada mereka yang memiliki autoriti, baik sebagai hakim, komandan atau lainnya, ini merupakan perkara yang tidak lagi samar di kalangan umat Islam, kerana ia termasuk dalam kategori nasihat. Nasihat merupakan perkara yang disyariatkan dan mesti disampaikan kepada para pemimpin kaum Muslimin dan kepada seluruh manusia. Dalam soal '**mengambil pendapat**' daripada manusia oleh orang yang memiliki autoriti, maka perkara ini merupakan topik yang masih samar/keliru bagi kebanyakan kaum Muslimin, terutamanya setelah tersebar luasnya pemikiran demokrasi yang berjaya mengubah cara berfikir umat Islam. Proses **mengambil pendapat** (oleh mereka yang memiliki autoriti) yang sering disebut dalam Islam dikenali sebagai *syura* atau *tasyawur*. **Mengemukakan pendapat** (usul) boleh dibuat oleh kaum Muslimin mahupun non-Muslim, kerana Rasul telah *mentaqrirkan* (menyetujui) suatu pendapat yang terjadi pada (peristiwa) *hifl al-fudhul* yang berbunyi,

*"Jika aku dipanggil bersamanya, sungguh aku akan memenuhi (panggilannya), dan aku tidak ingin melanggarnya. (Ketahuilah) bahawasanya hal itu bagiku adalah lebih baik daripada unta merah".* Padahal, pendapat (dalam peristiwa *hifl al-fudhul*) tersebut adalah pendapat orang-orang musyrik. Walaubagaimanapun, dalam membuat keputusan samada untuk menerima atau menolak pendapat tersebut, ia hanya boleh dilakukan oleh seorang Muslim.

Di dalam sebuah pemerintahan Islam, *syura* (mengambil pendapat) tidak berhak dijalankan kecuali oleh kaum Muslimin, kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyeru kepada Rasul dengan firmanNya, "...*dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu...*" [TMQ Ali Imran (3):159]. Perkataan '*mereka*' dalam ayat ini membawa maksud 'kaum Muslimin'. Dalam ayat lain, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, "*Sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah antara mereka*" [TMQ asy-Syura (42):38] juga hanya mencakup kaum Muslimin. Oleh kerana itu, *syura*, dalam konteks membuat keputusan menurut Islam, dikhususkan hanya bagi kaum Muslimin.

*Syura* di kalangan kaum Muslimin merupakan perkara yang masyhur dan telah diketahui umum. Dari Abu

Hurairah *radhiAllahu ‘anhu* ia berkata, “*Aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih banyak musyawarahnya daripada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa Sallam terhadap para sahabatnya*”. Dari Hasan *radhiAllahu ‘anhu* ia berkata, “*Tidaklah suatu kaum bermusyawarah kecuali mereka memperoleh petunjuk agar urusan mereka mendapatkan bimbingan*”. Justeru, **pengambilan pendapat** itu adalah *tasyawur* atau *syura* yang telah ditetapkan dengan jelas oleh nas al-Quran dan hadis. Yang kini samar dalam benak kebanyakan kaum Muslimin adalah, **pendapat yang bagaimanakah yang boleh di *syura* atau di *tasyawur***? Dengan kata lain perkara apa yang sebenarnya boleh/tidak boleh diambil dalam suatu pendapat? Seterusnya, apakah sebenarnya hukum tentang (mengambil) pendapat tersebut, apakah wajib mengambil pendapat majoriti tanpa melihat lagi benar atau salahnya? Atau wajib mengambil pendapat yang benar tanpa memandang lagi unsur majoriti atau minoriti? Apakah pendapat majoriti harus *dirajihkan* (dikuatkan) tanpa melihat lagi benar atau salahnya, atau harus dilakukan *tarjih* aspek yang dipandang benar dan sama sekali menolak pendapat majoriti?

Agar kita sampai kepada jawapan yang benar, maka kita mesti mengambil dalil-dalil yang terdapat di dalam Al-Quran dan hadis. Berdasarkan dalil *syura* sebagaimana terdapat di dalam Surah 3:159 dan 42:38 di atas, kalimatnya di sini berbentuk umum. Kata *amruhum* bererti perkara kaum Muslimin, mencakup seluruh perkara, sedangkan dalam kata *al-amru, alif lam* di sini adalah untuk jenis, maksudnya jenis perkara yang akan diambil keputusan mengenainya. Bentuk umum ini tetap berlaku selama tidak ada dalil yang mengkhususkannya dan dalam hal ini, tidak ada dalil yang mengkhususkan perkara yang boleh di'*syura*'kan, yang membawa maksud bahawa *syura* itu bersifat umum, mencakupi seluruh perkara. Adapaun mengenai **keterikatan terhadap suatu pendapat yang diambil dalam *syura*** (berkaitan dengan samada kita akan mengambil pendapat yang benar ataupun pendapat majoriti tanpa melihat kepada kebenarannya), terdapat nas-nas khusus yang menunjukkan keterikatan kepada pendapat majoriti dan terdapat juga nas yang menunjukkan keterikatan kepada pendapat bukan majoriti. Firman Allah dalam kedua-dua ayat di atas adalah anjuran kepada *syura*, dan bentuk pembicaraannya adalah *mujmal* (global). Oleh kerana itu, bagi mendapatkan perincian dalam masalah ini, kita perlu merujuk kepada sunnah Rasul. Penelitian terhadap sunnah akan menunjukkan bahawa:-

(1) Rasul *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* pernah bersabda kepada Abu Bakar dan Umar, “*Jika kalian berdua sepakat dalam satu hasil permuafakatan (masyurah), maka aku tidak akan bertentangan dengan kalian berdua*.” Hal ini terjadi pada peristiwa perang Uhud di mana Rasulullah telah menyetujui pendapat majoriti (untuk berperang di luar Madinah). Ertinya, Rasulullah mengikat dirinya sendiri untuk tidak melanggar permuafakatan kedua sahabatnya mengenai hal-hal yang telah disepakati (*masyurah*). Kata *masyurah* (permuafakatan hasil musyawarah) dalam hadis ini

merupakan sifat yang layak dijadikan sebagai pengikat dan memiliki *mafhum mukhalafah* (kefahaman terbalik). Ertinya, jika mereka berdua sepakat mengenai perkara selain hasil *masyurah* maka baginda tidak semestinya terikat dengan (pendapat) keduanya. Di sini Rasul tidak melanggar pendapat majoriti, malah terikat dengan keputusan majoriti.

(2) Dalam peristiwa Uhud ini juga, kita dapati bahawa Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* telah mengumpulkan para pemuka dari kaum Muslimin termasuk orang yang seakan-akan tampak kelislamannya (munafik) dan mereka saling bermusyawarah. Lalu Nabi *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* berpendapat bahawa adalah lebih baik mereka berjaga-jaga (bertahan) di dalam kota Madinah dan membiarkan pasukan Quraisy berada di luar Madinah. Pimpinan kaum munafik, Abdullah bin Ubay bin Salul berpendapat seperti pendapat Nabi, dan pendapat seperti ini juga dipegang para pemuka sahabat. Namun begitu ada pendapat dari kalangan pemuda dan orang-orang yang memiliki semangat peperangan yang kuat yang tidak beraksi dalam perang Badar, yang berpendapat bahawa adalah lebih baik keluar dari Madinah untuk menyongsong dan melawan musuh. Maka muncullah dukungan majoriti terhadap para pemuda tadi sehingga Rasulullah menyetujui pendapat mereka dan mengikuti pendapat majoriti. Peristiwa ini menunjukkan bahawa Rasulullah menyetujui pendapat majoriti dan beramal sesuai dengan pendapat tersebut serta meninggalkan pendapatnya dan pendapat para pemuka sahabat, kerana mereka berada pada posisi minoriti. Ini menyebabkan para pemuka sahabat menyesali perbuatan mereka lalu berkata, “*kita telah memaksa Rasulullah, walhal hal itu tidak layak kita lakukan*”. Lalu mereka pergi menghadap Rasulullah dan berkata, “*Kami telah memaksa engkau wahai Rasulullah walhal hal itu tidak layak kami lakukan. Jika engkau mahu, maka duduklah (bertahan dalam Madinah) wahai Rasulullah*”. Nabi tetap menolak gesaan mereka untuk kembali pada pendapatnya dan pendapat para pemuka sahabat. Baginda tetap mengikut pendapat majoriti.

(3) Berdasarkan perbuatan Nabi juga, kita mendapati bahawa semasa Perang Badar, Nabi *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* telah bersetuju dengan pendapat yang benar, tanpa mengambil kira pendapat baginda sendiri. Baginda hanya cukup mengambil satu pendapat (yang berasal dari satu orang) tatkala pendapat tersebut adalah benar/tepat. Ketika Nabi dan kaum Muslimin sama-sama singgah di sebuah tempat berdekatan dengan mata air di kawasan Badar, Hubab bin al-Munzhir keberatan untuk berkhemah di tempat tersebut, lalu ia berkata kepada Nabi, “*Wahai Rasulullah, apakah bahawa tempat singgah ini telah diwahyukan oleh Allah kepadamu sehingga tidak ada hak bagi kami untuk maju mahupun mundur darinya? Ataukah ini (hanya) merupakan pendapat, peperangan dan tipu daya sahaja? Kemudian Rasul menjawab: ‘Ia adalah pendapat, peperangan dan tipu daya’*. Maka Hubab bin al-Munzhir berkata, “*Wahai Rasulullah, sesungguhnya ini bukanlah tempat singgah yang sesuai*”. Kemudian

dia terus menunjukkan suatu tempat (yang lebih sesuai). Rasulullah langsung berdiri dan bergegas bersama-sama dengan yang lain ke tempat yang dikemukakan oleh Hubab bin al-Munzir.” Di dalam peristiwa ini Rasulullah meninggalkan pendapatnya sendiri dan juga tidak kembali kepada pendapat para jamaah (majoriti), melainkan mengikuti pendapat yang benar, walaupun pendapat tersebut datang dari seorang sahabat sahaja, sesuai dengan apa yang disabdakan sendiri oleh baginda “*la merupakan pendapat, peperangan dan tipu daya*”.

(4) Apabila kita mendalami perbuatan Rasul seterusnya, kita juga mendapati bahawa Rasulullah, semasa perjanjian Hudaibiyah tetap berpegang teguh pada pendapatnya sendiri dan tidak menghiraukan pendapat Abu Bakar mahupun Umar (pendapat mereka langsung tidak diambilkira), bahkan Rasulullah tidak mempedulikan langsung pendapat seluruh kaum Muslimin. Lalu kaum Muslimin terpaksa akur dengan pendapat baginda, meskipun dalam keadaan tidak senang dan diikuti dengan pelbagai komentar. Rasulullah lalu bersabda kepada mereka, “*Sesungguhnya aku ini adalah Rasulullah, dan aku sekali-kali tidak melakukan maksiat terhadap-Nya dan Dia adalah penolongku*”.

### Mengaplikasikan Syura Rasulullah

Dari keempat-empat peristiwa di atas, kita memahami bahawa Rasulullah pernah berpegang teguh dengan pendapatnya sendiri dan mencampakkan seluruh pendapat yang lain ke dinding (diabaikan). Kita juga mendapati bahawa baginda pernah kembali kepada pendapat yang benar dan cukup mengambilnya dari satu orang sahaja seraya meninggalkan pendapatnya sendiri dan tidak kembali kepada pendapat para jama'ah (majoriti). Kita juga mendapati bahawa baginda pernah menyetujui pendapat majoriti dan beliau pernah bersabda mengenai perkara yang menunjukkan rujukan (beliau) kepada pendapat majoriti dan tidak menentang pendapat tersebut. Apabila kita meneliti secara bersungguh-sungguh persoalan yang ada dalam hadis-hadis tersebut, serta mengkaji situasi dan keadaan yang wujud di dalamnya, maka akan kita dapati bahawa Rasulullah melakukan 3 perkara dalam menangani persoalan syura ini:-

- (i) Rasulullah merujuk kepada kekuatan dalil, menurut pihak yang mengeluarkan dalil (Allah *Subhanahu wa Ta'ala*), bukan menurut manusia;
- (ii) Rasulullah merujuk kepada pendapat yang benar tanpa memandang pada (pendapat) majoriti, bahkan tanpa mempertimbangkannya sedikit pun;
- (iii) Rasulullah merujuk kepada pendapat majoriti tanpa memandang pada (pendapat) yang lain, bahkan tanpa mempertimbangkannya sedikit pun.

Apabila kita terapkan tiga perkara (hukum) di atas, yang telah diistinbath(digali) dari perbuatan dan perkataan

Rasul terhadap realiti pelbagai jenis pendapat yang ada di dunia pada hari ini, maka kita akan dapat simpulkan:-

(a) Bahawa dalam aspek hukum syarak, ia dirajih berdasarkan kekuatan dalil sahaja, kerana Rasul **Sallallahu 'alaihi wa Sallam hanya merajihkan apa yang diturunkan berdasarkan wahyu dan menolak apa selainnya secara tegas**. Oleh sebab itu, dalam peristiwa Hudaibiyah, Rasul bersabda, “*Sesungguhnya aku ini Rasulullah, dan aku bukanlah orang yang maksiat terhadapNya, sedangkan Dia adalah penolongku*”. Dalil syarak itu tidak lain adalah al-Quran dan Sunah serta hal-hal yang ditunjuk oleh al-Quran dan Sunah sebagai dalil (Ijmak Sahabat dan Qiyas) dan penerapannya adalah berdasarkan perintah dan larangan dari Allah (bukan berdasarkan pendapat majoriti). Kekuatan dalil bukanlah berdasarkan pandangan majoriti, tetapi kekuatan dalil dinilai oleh pihak yang menjadikannya sebagai dalil. Ini adalah kerana kekuatan dalil boleh berbeza disebabkan perbezaan persepsi seseorang terhadap dalil syarak itu sendiri. Perbezaan ini merangkumi perbezaan persepsi seseorang dalam memahami nas dari (segi) bahasa dan syarak. Kekuatan dalil tidak disandarkan kepada 'kuat'nya hadis sahaja, akan tetapi kekuatan dalil baik yang berasal dari al-Quran ataupun Sunnah dilihat dari segi dirayah, riwayat, pemahaman dan i'tibar nas-nas tersebut. Syarat dalam menilai kekuatan dalil ini merupakan perkara yang dipersetujui dan tidak timbul perbezaan di kalangan kaum Muslimin.

(b) Bahawa terdapat juga pendapat yang bersandarkan kepada suatu pemikiran (selain hukum syarak) dan termasuk topik yang harus dirajihkan aspek kebenarannya. Contohnya seperti masalah *an-nahdhah* (kebangkitan). Apakah kebangkitan boleh dicapai dengan peningkatan taraf pemikiran atau dengan cara peningkatan ekonomi? Atau apakah keadaan dalam negeri dan antarabangsa mendukung untuk pemerintah menjalankan tindakan politik, atau tindakan ketenteraan dan tindakan politik sekaligus atau tindakan lainnya? Bagi perkara-perkara tersebut, semuanya harus dikembalikan kepada pendapat yang benar. Ini dikembalikan kepada perkataan Rasul, “*la adalah pendapat, peperangan dan tipu daya*”, yang bermaksud, sekiranya pendapat yang diberikan adalah suatu yang disandarkan kepada pemikiran (selain hukum syarak), ia haruslah dikembalikan kepada pendapat yang benar dan tepat, sebagaimana Rasulullah kembali kepada pendapat Hubab bin al-Munzir. Ini adalah pendapat yang bersifat 'teknikal', kerana Rasulullah, ketika mengambil pendapat Hubab, beliau (Hubab) dirujuk sebagai orang yang mengenali tempat tersebut (mempunyai kepakaran teknikal), yakni Hubab adalah orang yang ahli (pakar) dalam bidang tersebut. Oleh sebab itu, **untuk pendapat-pendapat yang bersifat teknikal/kepakaran, yang harus dinilai adalah ketepatan dan kebenarannya dan diambil dari mereka yang pakar dalam bidang yang berkenaan**.

(c) Bahawa terdapat juga pendapat yang mengarah kepada pelaksanaan suatu aktiviti. Dalam hal ini maka yang lebih diutamakan adalah pendapat

majoriti. Ini adalah kerana Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* sepakat mengikuti pendapat majoriti pada perang Uhud dan baginda keluar dari perbatasan kota Madinah. Padahal, pada awalnya, beliau sendiri menyalahi (tidak bersetuju) pendapat ini kerana yang dipandanginya benar, adalah pendapat sebaliknya. Demikian juga beberapa sahabat minoriti yang memegang pendapat sama dengan Rasulullah. Mereka bersetuju dengan pendapat Rasulullah untuk (lebih baik) tetap bertahan di dalam Madinah sahaja. Meskipun demikian, Rasul tetap merealisasikan pendapat majoriti, iaitu dengan keluar dari perbatasan kota Madinah. Rasul melakukannya sesuai dengan keterangannya kepada Abu Bakar dan Umar, "*Jika kalian berdua sepakat dalam satu hasil permuafakatan (masyurah), maka aku tidak akan bertentangan dengan kalian berdua*". **Pendapat yang sejenis dengan apa yang terjadi ketika peristiwa Uhud ini adalah pendapat yang mengarah kepada pelaksanaan suatu aktiviti. Seluruh pendapat yang mengarah kepada pelaksanaan suatu aktiviti dari pelbagai aktiviti yang ada, maka ia harus dikembalikan kepada pendapat majoriti.** Misalnya, pemilihan Ketua Negara atau pemberhentian seorang wali atau ketetapan sebuah projek atau hal-hal lain yang serupa dengan perkara tersebut. Dalam hal yang demikian, pendapat majoriti mesti diambil dan pendapat tersebut mengikat (wajib dipatuhi oleh semua orang), tanpa memperhatikan lagi kebenarannya.

Bertolak dari penerapan dalil-dalil tersebut terhadap realiti tentang pelbagai jenis pendapat yang ada di dunia, maka jelaslah bahawa pendapat yang mengikat, maksudnya pendapat yang *dirajihkan* dan tercakup dalam pendapat majoriti adalah pendapat yang keberadaannya sejenis dengan pendapat yang terjadi pada peristiwa Uhud. Pendapat seperti ini termasuk di bawah cakupan *masyurah* (permuafakatan hasil musyawarah) yang terdapat dalam sabda Rasul *Sallallahu 'alaihi wa Sallam*, "*Jika kalian berdua sepakat dalam satu masyurah...*". Pendapat ini adalah pendapat yang mengarah kepada pelaksanaan suatu aktiviti dari pelbagai aktiviti. Adapun selain dari perkara itu (yang keberadaannya tidak termasuk ke dalam jenis pendapat yang terjadi di Uhud), tidak dianggap sebagai pendapat yang mengikat dan tidak diwajibkan beraktiviti dengan pendapat majoriti.

Dalam konteks pemerintahan sebuah Negara Islam, untuk menjelaskan perbezaan antara poin (b) dan poin (c) di atas, beberapa contoh boleh dinilai. Jika negara bersetuju untuk membina jambatan melintasi sebuah sungai untuk kepentingan pengangkutan dan perhubungan masyarakat di suatu kampung yang terpencil, pendapat majoriti (ahli Majlis Umat) dalam hal demikian bersifat mengikat bagi Khalifah. Khalifah wajib membina jambatan tersebut untuk mengatasi masalah pengangkutan di kampung tersebut. Namun begitu, pemilihan lokasi dan rekabentuk jambatan yang

akan dibina merupakan aspek teknikal. Bagi aspek ini, pandangan jurutera pakar perlu diambil dan bukannya pandangan majoriti. Dalam contoh lain, sekiranya terdapat suatu kawasan yang terletak bersempadan dengan negara musuh dan kawasan ini perlu dilindungi, pendapat majoriti yang berpandangan bahawa benteng/kubu perlu dibina bagi melindungi kawasan ini adalah mengikat bagi Khalifah. Akan tetapi, dalam membina kubu/benteng ini, pendapat haruslah diambil dari pakar-pakar ketenteraan dan bukannya pendapat majoriti ahli Majlis Umat.

Demikianlah kedudukan *syura* dan hukum mengambil pendapat majoriti dalam Islam. Sebagaimana yang telah kami jelaskan sebelum ini, pendapat majoriti langsung tidak bernilai, malah haram dan berdosa besar apabila diambil dalam masalah *tasyri'* (penggubalan undang-undang). Di sinilah umat Islam perlu membezakan proses menggubal undang-undang dengan suara majoriti di dalam sistem demokrasi yang jelas-jelas haram menurut Islam, dengan proses pengambilan suara majoriti di dalam sebuah musyawarah yang dijalankan oleh Majlis Umat. Di dalam sistem demokrasi-sekular, setiap pendapat, meskipun yang bersangkutan dengan hukum Allah, hanya boleh diluluskan dengan keputusan majoriti. Dengan kata lain, majoriti bersifat mengikat dalam setiap perkara, termasuk di dalam urusan memaksati Allah. Kerana itulah, umat Islam dipaksa untuk tunduk dan taat kepada hukum zina dengan denda maksimum RM5,000 dan 6 kali sebatan, kerana majoriti telah pun meluluskannya.

### Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Kemenangan sebenar bagi umat Islam adalah apabila umat Islam berjaya keluar dari kegelapan sistem Jahiliyyah sekarang menuju sistem Allah yang penuh bercahaya. Tiada erti dan tiada gunanya kemenangan jika umat Islam masih tetap terbelenggu dengan sistem dan undang-undang (kufur) yang sama, walaupun 'orangnya' telah bertukar. **Apa yang diperlukan oleh umat Islam adalah hukum al-Quran dan Sunnah diterapkan secara *kaffah* di dalam kehidupan menggantikan hukum kufur-sekular yang telah sekian lama dipaksakan ke atas kita semua oleh para pemerintah kaum Muslimin yang berpemikiran penjajah.** Sudah sekian lama umat Islam terhina di bawah hukum yang hina yang diterapkan oleh pemerintah yang hina. Umat yang mulia ini memerlukan hukum yang mulia yang akan diterapkan oleh pemerintah yang mulia. Dan satu-satunya hukum yang mulia hanyalah hukum yang datangnya dari Zat Yang Maha Mulia. Tidak ada alasan lagi bagi siapa sahaja yang Allah telah meletakkan amanah kepimpinan di bahunya, untuk tidak menerapkan hukum Allah. Siapa sahaja yang lalai dan tidak menunaikan amanah ini, maka azab Allah jualah yang sedang menantinya.

*Na'uzubillah min zalik.*